

AYAT-AYAT TERPILIH BERKAITAN DENGAN BOTANI DAN GEOLOGI DALAM AL-QURAN KAJIAN DARI ASPEK I'JAZ 'ILMI DAN HUBUNGANNYA DENGAN AKIDAH, oleh Karimah Mat Zin dan Sharifah Norshah Bani Syed Bidin. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1). 2020. Penerbit: Universiti Sultan Zainal Abidin. Halaman: 12. ISSN 1985-7667 • E-ISSN: 2289-632.

Islam adalah sebuah agama yang syumul merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Allah SWT tidak mengetepikan segenap perkara termasuklah bidang sains dan teknologi. Bidang botani dan geologi merupakan dua disiplin ilmu dalam bidang sains. Allah SWT merakamkan ayat berkaitan botani dan geologi dalam al-Quran. Artikel ini sangat menarik untuk dibaca kerana membahaskan ayat al-Quran dalam bidang botani dan geologi dari aspek *i'jaz ilmi*.

Artikel ini dimuatkan dalam *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* terbitan Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin. Artikel ini mempunyai 12 halaman dan terdiri daripada 6 subtopik. Penulisan ini meliputi pengenalan, ayat-ayat botani dan geologi serta hubungannya dengan akidah, tafsir ayat botani dan penemuan sains moden serta tafsir ayat geologi termasuk kajian sains moden. Ia juga membincangkan hubungan antara ayat botani dan geologi dengan akidah dan diakhiri dengan kesimpulan.

Secara keseluruhannya, ia disusun dengan penulisan yang kemas dengan memberi gambaran kepada pembaca mengenai botani dan geologi daripada perspektif al-Quran. Karya ini dilihat sebagai keperluan dalam kehidupan Muslim bagi menangkis dakwaan Barat bahawa sains terpisah dari agama Islam. Secara tidak langsung, ia juga dapat mengangkat martabat Tamadun Islam. Tamadun Islam tidak kurang hebat sumbangannya dalam bidang botani dan geologi. Justeru, artikel ini wajar untuk dibaca kerana pembahasan ayat al-Quran dari aspek *i'jaz ilmi* mampu meningkatkan rasa takjub terhadap kebesaran Allah SWT dan seterusnya meningkatkan lagi tahap keimanan kepada-Nya.

Penulis menyatakan bahawa penyelidikan ini berasaskan kepada tiga tema iaitu botani, geologi dan *i'jaz 'ilmi*, serta hubungan *i'jaz 'ilmi* dengan akidah. Penulis memulai penulisan dengan pengenalan kepada ketiga-tiga tema tersebut. Dalam al-Quran, terdapat banyak ayat *i'jaz ilmi* seperti dalam bidang kosmologi, astronomi, botani, zoologi, geografi, perubatan, geologi, meteorologi, fizik, kimia dan biologi.

Botani ialah disiplin ilmu sains yang mengkaji tentang tumbuhan dan berasal daripada bahasa Greek botane untuk herba. Bidang botani dibahagikan kepada beberapa kajian khusus, misalnya pengecaman dan pengelasan tumbuhan (taksonomi), pembentukan luarannya (morfologi tumbuhan) dan susunan dalamannya (anatomi tumbuhan). Ia juga merangkumi pemeriksaan mikroskopik tisunya (histologi tumbuhan), fungsi dan sejarah hidup (fisiologi tumbuhan), dan taburannya di seluruh permukaan bumi berhubung dengan sekelilingnya (ekologi tumbuhan).

Manakala geologi pula ialah sains tentang asal-usul, sejarah, struktur dan komposisi bumi (Teuku Iskandar, 2005). Skala masa geologi meliputi sejarah bumi sejak dari asal usul fizikalnya sehinggalah ke hari ini. Masa geologi pula secara tradisinya terbahagi kepada eon Precambria dan Fanerozoik. Seterusnya ia dibahagikan lagi kepada era kala, epok, usia, dan akhir sekali kron. Istilah eon, era, kala, epok, usia dan kron ialah unit kronostratigrafi.

Suptopik seterusnya pula memfokuskan tentang ayat berkaitan botani dan geologi. Terdapat 25 tempat dalam al-Quran yang berkaitan botani, 117 tempat berkaitan geologi dan 76 tempat menggabungkan kedua-dua bidang ini. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lebih kurang 218 tempat dalam al-Quran adalah berkaitan dengan akidah. Ayat-ayat tersebut mempunyai kaitan dengan rukun iman. Manakala bilangan sebenar ayat botani dan geologi dalam al-Quran tidak dapat ditentukan. Hanya Allah SWT sahaja Yang Maha Mengetahui.

Seterusnya adalah berkaitan ayat botani dan penemuan moden. Terdapat penemuan sains yang sangat menarik berkaitan tanaman dan bijian. Allah SWT telahpun merakamkan hal ini sebagaimana dalam firman-Nya yang bermaksud:

Maksudnya:

“Dan juga Kami telah turunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pokok-pokok tanaman (buahbuahan) dan biji-bijian yang dituai; serta pohon-pohon kurma yang tinggi menjulang, yang mengeluarkan mayang, berlapis-lapis, lagi lebat putiknya; (semuanya itu) sebagai rezeki ”

(Qaf: 9-10)

Kelebihan buah tamar tidak dapat disangkal lagi. Kajian Barat turut membuktikan bahawa tamar adalah makanan ideal masa hadapan kerana ia mengandungi pelbagai khasiat yang bermanfaat untuk kesihatan manusia. Buah ini mengandungi 15 jenis garam dan mineral, kaya dengan vitamin, karbohidrat, protein dan lain-lain. Kandungan ini membantu sistem pertahanan badan, mencegah kanser, membantu penghadaman dan lain-lain.

Selain tamar, anggur juga merupakan buah-buahan yang disebut dalam al-Quran. Penulis menceritakan secara umum berkaitan khasiat anggur kepada kesihatan manusia. Menurut Muhammad (2006), buah anggur memberi manfaat dari perspektif pemakanan dan perubatan. Buah ini membantu proses penghadaman dalam perut pesakit. Ia juga membersihkan darah selain membantu mengimbangkan proses penghadaman (Mohd Yusoff et. al. 2022).

Dalam subtopik ini, diselitkan berkaitan kaedah penanaman yang berkesan melalui firman Allah SWT dalam ayat 22 dan 23 surah al-Kahfi. Ayat ini menjelaskan cara menyusun tiga jenis tanaman iaitu anggur mewakili tanaman melata dikelilingi oleh pokok tamar yang mewakili pokok tinggi. Di tengah-tengah pokok anggur pula hendaklah ditanam pokok-pokok sayuran dan bunga-bunga. Kaedah penanaman ini akan membantu meningkatkan hasil pertanian. Begitulah menariknya ajaran Islam dalam bidang botani.

Suptopik seterusnya ialah berkaitan ayat geologi dan penemuan sains moden. Lazimnya kita mendengar bahawa lapisan langit mempunyai tujuh lapis. Sebagaimana langit, bumi juga diciptakan sebanyak tujuh lapisan. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya:

“Allah yang menciptakan tujuh petala langit dan (ia menciptakan) bumi seperti itu; perintah Allah berlaku terus menerus di antara alam langit dan bumi (berlakunya yang demikian) supaya kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu, dan bahawa sesungguhnya Allah tetap meliputi ilmunya akan tiap-tiap sesuatu ”

(al-Talak:12).

Kajian geologi mendapati bahawa lapisan bumi paling atas dikenali sebagai lapisan atas kerak bumi. Ia berasal daripada keledak dan debu. Manakala lapisan kedua ialah lapisan bawah kerak bumi. Ia diikuti oleh lapisan ketiga iaitu lapisan anjal atau semi cair yang memiliki tingkat kepadatan dan kerekatan yang sangat tinggi. Lapisan keempat (*Upper mantle*) adalah lapisan tengah iaitu lapisan keras yang mencapai ketebalannya 270 km. Ia dipisahkan oleh dua gelombang getar dari lapis atas dan bawahnya. Lapisan seterusnya iaitu lapisan kelima adalah lapisan paling bawah pita bumi. Lapisan keenam pula adalah lembut dan elastik. Ia dikenali sebagai lapisan luar inti bumi. Yang terakhir adalah inti bumi yang sangat keras.

Begitulah kajian saintifik dilihat selari dengan ketetapan dan penciptaan Allah SWT. Subtopik seterusnya juga sangat penting kerana penulis mengaitkannya dengan unsur akidah. Bagi ayat botani, ayat 9-11 surah Qaf, pada akhir ayat disebut tentang beriman kepada hari kebangkitan. Begitu juga pada ayat 2 surah al-Talak. Allah SWT yang menciptakan tujuh lapis langit dan tujuh lapis bumi dan Allah jua yang mentadbir dan mengurus alam. Pada akhir ayat, Allah menyatakan tauhid *al-asma' wa al-sifat*.

Penulis merumuskan bahawa setiap ayat botani dan geologi semuanya mempunyai kolerasi antara rukun iman. Penemuan saintifik sememangnya tidak bercanggah dengan wahyu Ilahi yang perlu diimani oleh semua umat Islam. Program-program pemeraksanaan perlu terus dilaksanakan seperti celik sains dan saintis muda Islam dalam usaha melahirkan lebih ramai golongan saintis yang mampu memahami al-Quran sebagai rujukan utama dalam penerokaan bidang-bidang berasaskan sains (Masduki M Morni, 2016). Hasil penerokaan dan penemuan sebegini diharapkan agar dapat meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita sebagai hamba Allah SWT.

Penulisan yang menggunakan metode kajian kualitatif ini dilihat mencapai objektif sebagaimana yang dinyatakan. Antara objektifnya ialah mengenal pasti ayat-ayat terpilih berkaitan botani dan geologi dari aspek *i'jaz 'ilmi*. Selain itu, membuat perbandingan antara ayat al-Quran dengan penemuan sains moden dan menghubungkaitkan ayat-ayat tersebut dengan aspek akidah. Penelitian terhadap artikel ini mendapati ia amat bagus dan perlu dibaca oleh segenap lapisan masyarakat umat Islam. Perbahasan *i'jaz ilmi* memberi pendedahan kepada orang Islam dalam penerokaan ilmu sains. Sewajarnya kita mengambil manfaat daripada penerokaan disiplin ilmu tersebut untuk kemaslahatan diri dan masyarakat umumnya.

Walau bagaimanapun, terdapat perkara yang perlu ditambahbaik oleh penulis seperti penambahbaikan dari aspek tajuk artikel, isi, aspek teknikal meliputi ejaan, format, struktur ayat dan keseragaman akronim.

Berkaitan tajuk artikel, ia kelihatan agak panjang. Dicadangkan agar diletakkan titik bertindih selepas perkataan al-Quran. Maka tajuk artikel akan menjadi seperti ini “Ayat-Ayat Terpilih Berkaitan Dengan Botani dan Geologi dalam Al-Quran: Kajian dari Aspek *I'Jaz 'Ilmi* dan Hubungannya Dengan Akidah”. Pada tajuk asal artikel juga, didapati perkataan “ilmi” ditulis huruf kecil sedangkan perkataan lain ditulis huruf besar. Sewajarnya, perkataan tersebut diseragamkan seperti perkataan lain.

Penambahbaikan dari aspek isi pula adalah seperti pada muka surat 152 ayat “Di dalam al-Quran terdapat 6 236 ayat, 77 439 kalimah dan 323 015 huruf “, angka 6 ditulis terasing. Sepatutnya ditulis 6236 dalam satu perkataan. Bagi bilangan huruf al-Quran, terdapat perbezaan bilangan di mana terdapat penulis menyatakan al-Quran mengandungi 323,671

huruf. Sebagai contoh, Hasbi Ashshiddiqi (1992) menyatakan bahawa al-Quran mengandungi 150681 titik, 323,671 huruf, 77,437 perkataan, 6,236 ayat, 114 surah yang terkandung dalam 30 juzuk, 60 hizib dan 240 maqra'. Muhammad Don (2020) menyatakan bahawa terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama tentang bilangan ayat al-Quran, namun ia tidaklah ketara kerana yang lebih utama adalah bagaimana umat Islam berinteraksi dengan al-Quran (Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi (2021).

Terdapat perenggan yang terlalu panjang iaitu pada muka surat 154. Dicadangkan agar perenggan kedua berkaitan buah tamar dan keistimewaannya dibahagikan kepada dua atau tiga perenggan. Ini akan membantu pembaca lebih fokus kepada penemuan saintifik buah tamar.

Seterusnya adalah dari aspek teknikal seperti kesalahan ejaan dan format. Pada muka surat 150-151, terdapat kesilapan teknikal bagi perkataan al-Quran yang mana telah dieja dengan huruf kecil bagi perkataan "al". Sewajarnya perkataan tersebut ditulis huruf besar "Al" ketika permulaan ayat. Perkataan al-Quran juga adakalanya ditulis dengan ejaan "al-Qur'an". Penulisan perkataan ini perlu diselaraskan mengikut ejaan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perkataan "diketengahkan" pada muka surat 150 ditulis renggang. Begitu juga perkataan "dibatasi" ditulis renggang dua perkataan iaitu di batasi pada muka surat 156. Sewajarnya perkataan-perkataan ini dirapatkan. Seterusnya ialah perkataan "zoologi" tidak perlu ditulis condong (ms150). Perkataan kanser pula dieja "kanser" pada muka surat 154 dan "invert sugars" perlu ditulis condong kerana ia adalah dalam bahasa Inggeris (ms154). Akronim bagi "s.a.w" dan saw juga perlu diselaraskan penulisannya mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu ditulis SAW.

Perkataan yang perlu dijauhi dalam penulisan rujukan APA ialah "ibid". Penulis perlu menyatakan nama dan tahun. Penulisan rujukan secara APA juga kelihatan tidak konsisten di mana selepas kurungan penutup tidak diletakkan tanda noktah. Sebagai contoh, "Lapisan atas kerak bumi ini dinamakan dengan lapisan bumi pertama. (Yusuf al-Hajj Ahmad, 2012) manakala ayat seterusnya "Kerak batuan ini disebut dengan lapisan bumi kedua (Yusuf al-Hajj Ahmad, 2012).

Selain itu, dicadangkan agar penulis menggunakan perkataan "maha" bagi setiap sifat Allah SWT iaitu Yang Indah, Yang Sempurna dan Yang Mulia (ms 158). Alangkah baik jika ditulis Yang Maha Indah, Yang Maha Sempurna dan Yang Maha Mulia.

Seterusnya dari segi struktur ayat, terdapat ayat yang tidak difahami iaitu pada muka surat pada 158 iaitu "Begitu juga ayat 12 surah al-Talak Pada awal ayat Allah menyatakan tauhid rububiyah ..." Huruf p pada perkataan "Pada" juga ditulis huruf besar sedangkan ia berada di tengah ayat.

Ayat seterusnya ialah "Manakala geologi pula ialah sains tentang asal-usul, sejarah, struktur dan komposisi bumi, kaji bumi". Ayat yang kurang difahami ini terdapat pada muka surat 151.

Rujukan

Masduki M Morni, Asyraf Hj Ab Rahman, Aziz Ahmad, M. Shahrir M. Zahari, Kasawani Ibrahim, Jurifah Arifin, Zamzahaila M Zin, Mahdi Abas, Firdaus Khairi, Farid A Fuad Dan Azhar M Sinin. 2016. *Penghayatan Sains Dalam Al-Quran: Pengalaman Perkongsian Ilmu Penyelidik PPAL (UMT) Dengan Sekolah Imtiaz Terengganu. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Islam Dan Sains Peringkat Kebangsaan 2016 "Teknorasi Islam Melestari Ummah."*

Mohd Yusoff, Ahmad Nasir, Abdul Aziz, Muhammad Hannan & Magiman, Mohamad Maulana. 2022. Kajian Tematik Buah-buahan dalam Al-Quran dan Penggunaannya untuk Rawatan Perubatan Islam. *ANP Journal of Social Science and Humanities Vol 3 Special Issue (2022)*, p. 10-16.

Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar & Norhisham Muhamad. 2021. *Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum*. *Jurnal al-Turath*; Vol. 6, No. 1; 2021. P43-55.

Siti Zaleha binti Ibrahim

Pensyarah,

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,

Pusat Pengajian Teras,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.